



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 25

14hb Disember 2010

TAMBAHAN No. 133
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 410.

AKTA FI 1951

PERINTAH FI DAN BAYARAN (PERKHIDMATAN, DATA UKUR DAN
PEMETAAN SERTA REPRODUKSI) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 dan 10 Akta Fi 1951 [Akta 209], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fi dan Bayaran (Perkhidmatan, Data Ukur dan Pemetaan serta Reproduksi) 2010**.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“data ukur dan pemetaan” termasuk peta topografi, peta tematik, fotograf udara, data kadaster, data geodesi dan data ukur dan pemetaan yang lain sama ada dalam salinan keras atau bentuk digital, yang diterbitkan oleh Jabatan;

“data ukur dan pemetaan terbitan” ertinya apa-apa data ukur dan pemetaan yang kemudiannya dihasilkan oleh mana-mana pihak selain Jabatan yang mengandungi atau berasaskan kepada data ukur dan pemetaan;

“Jabatan” ertinya Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia atau Jabatan Ukur dan Pemetaan mana-mana Negeri atau Wilayah Persekutuan; dan

“lesen hak cipta” ertinya suatu lesen yang diberikan secara bertulis yang membenarkan pelakuan sesuatu perbuatan yang dikawal oleh hak cipta.

Bayaran fi bagi lesen hak cipta

3. Fi sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) di bawah kepala 1 Jadual Pertama hendaklah dibayar oleh kategori pemegang lesen yang dinyatakan dalam ruang (1) di bawah kepala 1 Jadual itu bagi suatu lesen hak cipta berkenaan dengan data ukur dan pemetaan digital, yang hak ciptanya terletak hak pada Kerajaan Persekutuan.

Bayaran fi bagi perkhidmatan dan penggunaan data ukur dan pemetaan

4. (1) Fi bagi perkhidmatan dan penggunaan data ukur dan pemetaan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) di bawah kepala 2 Jadual Pertama hendaklah dibayar oleh seseorang berkenaan dengan kategori perbuatan yang dinyatakan dalam ruang (1) di bawah kepala 2 Jadual itu.

(2) Fi bagi penggunaan data ukur dan pemetaan digital bagi maksud pembangunan dan demonstrasi sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) di bawah kepala 3 Jadual Pertama hendaklah dibayar oleh seseorang pemegang lesen hak cipta bagi kategori perbuatan yang dinyatakan dalam ruang (1) di bawah kepala 3 Jadual itu.

Bayaran fi bagi reproduksi data ukur dan pemetaan terbitan

5. Fi bagi reproduksi data ukur dan pemetaan terbitan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) di bawah kepala 4 Jadual Pertama hendaklah dibayar oleh seseorang yang kepadanya kebenaran bertulis telah diberikan oleh Jabatan berkenaan dengan kategori perbuatan yang dinyatakan dalam ruang (1) di bawah kepala 4 Jadual itu.

Bayaran fi bagi pendigitan atau pengimbasan data ukur dan pemetaan

6. Fi bagi pendigitan atau pengimbasan data ukur dan pemetaan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) di bawah kepala 5 Jadual Pertama hendaklah dibayar oleh seseorang yang kepadanya kebenaran bertulis telah diberikan oleh Jabatan berkenaan dengan kategori perbuatan yang dinyatakan dalam ruang (1) di bawah kepala 5 Jadual itu.

Bayaran fi bagi perkhidmatan serta data ukur dan pemetaan yang lain

7. Fi dan bayaran bagi perkhidmatan serta data ukur dan pemetaan yang lain yang tidak tersenarai di bawah kepala 1 hingga 5 Jadual Pertama akan dikira mengikut kaedah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Kedua.

Peremitan

8. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia boleh, menurut budi bicaranya, meremit, sama ada kesemua atau sebahagiannya, mana-mana fi yang dinyatakan dalam Perintah ini.

Pembatalan

9. Perintah Fee (Reproduksi Peta) 1955 [*L.N. 301/1955*], Perintah Fee dan Bayaran (Peta, Ukur, Maklumat Ukur dan Reproduksi) 1991 [*P.U. (A) 179/1991*] dan Perintah Fee dan Royalti (Data Ukur dan Pemetaan Berdigit) 1997 [*P.U. (A) 354/1997*] dibatalkan.

Peralihan bagi lesen

10. Apa-apa lesen hak cipta yang dikeluarkan atau diberikan di bawah Perintah Fee dan Royalti (Data Ukur dan Pemetaan Berdigit) 1997 hendaklah dianggap sebagai dilesen di bawah Perintah ini sehingga habis tempoh lesen itu.

JADUAL PERTAMA (perenggan 3, 4, 5 dan 6)

1. Fi bagi Lesen Hak Cipta

(1)	(2)
Kategori pemegang lesen	Fi (RM)
(a) Kementerian/Jabatan Kerajaan	100.00 setahun
(b) Badan berkanun atau persendirian/orang awam	200.00 setahun

2. Fi bagi Perkhidmatan dan Penggunaan Data Ukur dan Pemetaan

(1)	(2)
Butiran	Fi (RM)
(a) Maklumat Ukur Kadaster dan Pemetaan	
Membuat salinan kertas biasa peta dan maklumat ukur:	
(i) Saiz maksimum A0 (841mm x 1189mm)	12.00 bagi satu salinan
(ii) Saiz maksimum A1 (594mm x 841mm)	10.00 bagi satu salinan
(iii) Saiz maksimum A2 (420mm x 594mm)	8.00 bagi satu salinan
(iv) Saiz maksimum A3 (297mm x 420mm)	6.00 bagi satu salinan
(v) Saiz maksimum A4 (210mm x 297mm)	4.00 bagi satu salinan

(1) Butiran	(2) Fi (RM)
<i>(b) Maklumat Ukur Kadaster</i>	
Pembekalan data kadaster digital:	
(i) Salinan imej pelan yang diperakui	8.00 bagi satu imej
(ii) Data kadaster digital (berasaskan saiz dalam format .SHP dan tertakluk kepada bayaran minimum RM10.00 bagi setiap pembelian)	30.00 bagi satu megabait
<i>(c) Maklumat Pemetaan</i>	
(i) Fotograf udara:	
(A) Cetakan lekap hitam putih	10.00 bagi satu salinan
(B) Cetakan lekap warna	20.00 bagi satu salinan
(C) Pembesaran fotograf udara	0.25 bagi satu megabait
(D) Penyediaan Mozek	
1. Digital	65.00 bagi satu model
2. Salinan Kertas	100.00 bagi satu model
(E) Imej terimbas dalam format .TIF	0.25 bagi satu megabait
(F) Fotograf udara digital	0.35 bagi satu megabait
(G) Cetakan mozek	45.00 bagi satu salinan
(ii) Perkhidmatan reproduksi peta:	
(A) Cetakan lekap atas filem balikan	100.00 bagi satu salinan
(B) Cetakan lekap atas filem biasa	80.00 bagi satu salinan
(iii) Perkhidmatan melapis peta:	
(A) Melapis peta dengan kain	40.00 bagi satu salinan
(B) Melapis peta	30.00 bagi satu meter
(C) Memasang kayu gantung pada peta	15.00 bagi satu unit
(iv) Penjualan peta:	
(A) Peta tercetak dengan kontor	20.00 bagi satu salinan
(B) Semua jenis peta tercetak yang tidak berkantor kecuali 2(c)(iv)(C)	10.00 bagi satu salinan
(C) Peta pengangkutan	5.00 bagi satu salinan
(D) Peta ortofoto	150.00 bagi satu lembar
(E) Peta elektronik	10.00 bagi satu unit
(v) Pembekalan data digital:	
(A) Peta topografi pada skala 1: 25 000 (berasaskan saiz dalam format .DXF)	
1. < 1 megabait	24.00 bagi satu megabait
2. 1 – 50 megabait	22.00 bagi satu megabait
3. > 50 megabait	20.00 bagi satu megabait

(1) Butiran	(2) Fi (RM)
(B) Peta topografi pada skala 1: 50 000 (berdasarkan saiz dalam format .DXF)	
1. < 1 megabait	28.00 bagi satu megabait
2. 1 – 50 megabait	26.00 bagi satu megabait
3. > 50 megabait	24.00 bagi satu megabait
(C) Data bertopologi pada skala 1: 25 000 (berdasarkan saiz dalam format .SHP)	
1. < 1 megabait	65.00 bagi satu megabait
2. 1 – 20 megabait	60.00 bagi satu megabait
3. > 20 megabait	55.00 bagi satu megabait
(D) Data bertopologi pada skala 1: 50 000 (berdasarkan saiz dalam format .SHP)	
1. < 1 megabait	115.00 bagi satu megabait
2. 1 – 20 megabait	110.00 bagi satu megabait
3. > 20 megabait	105.00 bagi satu megabait
(E) Peta topografi pada skala 1: 5 000 dan 1:10 000 (berdasarkan saiz format dalam .DXF dan .SHP)	30.00 bagi satu megabait
(F) Ortofoto (berdasarkan saiz dan format .TIF)	1.00 bagi satu megabait
(G) Model Rupa Bumi Digital (MRBD) [berdasarkan saiz dalam format KPAPM (Kod Piawai Amerika untuk Pertukaran Maklumat)]	5.00 bagi satu megabait
(H) Peta raster (berdasarkan saiz dalam format .TIF)	0.25 bagi satu megabait

(Bayaran minimum bagi setiap pembelian data pemetaan digital ialah RM10.00)

(vi) Maklumat geodesi:

(A) Tanda aras	5.00 bagi satu stesen
(B) Koordinat dan maklumat Stesen Sistem Penentuan Sejangat (SPS)	15.00 bagi satu stesen
(C) Data graviti	12.00 bagi satu titik
(D) Transformasi koordinat	4.00 bagi satu stesen
(E) Parameter transformasi koordinat	160.00 bagi satu set
(F) Data pasang surut	5.00 sebulan bagi satu stesen

(1) Butiran	(2) Fi (RM)
(G) Koordinat dan maklumat stesen penyegitigaan/tanda persempadanan pentadbiran	15.00 bagi satu stesen
(H) Rekod cerapan pasang surut	50.00 bagi satu jilid
(I) Jadual ramalan pasang surut	50.00 bagi satu jilid
(J) Maklumat geoid	
1. Ketinggian geoid	3.00 bagi satu titik
2. Satu lembaran berliputan 30km x 30km	250.00 bagi satu lembar
3. Semenanjung Malaysia	20,000.00 bagi satu set
4. Sabah	10,000.00 bagi satu set
5. Sarawak	10,000.00 bagi satu set
6. Wilayah Persekutuan Labuan	250.00 bagi satu set
(K) Perkhidmatan Kinematik Masa Hakiki (KMH)	
1. Stesen Rujukan Maya (SRM) Masa Hakiki KMH/SRM PSPS (SPS Pembezaan)/data pembetulan SPS dasar tunggal, Data FPBP (Format Pertukaran Bebas Penerima) SPS SRM pascaproses	1,000.00 bagi satu pengguna setahun
2. Data FPBP (Format Pertukaran Bebas Penerima) SPS SRM pascaproses	1.00 satu minit bagi satu stesen
3. Data FPBP Stesen Rujukan SPS pascaproses	2.00 satu jam bagi satu stesen
3. Fi bagi Penggunaan Data Ukur dan Pemetaan Digital bagi Maksud Pembangunan dan Demonstrasi	

(1) Butiran	(2) Fi (RM)
Penggunaan data ukur dan pemetaan digital bagi maksud pembangunan dan demonstrasi	1,000.00

4. Fi bagi Reproduksi Data Ukur dan Pemetaan Terbitan

(1) Butiran	(2) Fi (RM)
(a) Reproduksi peta vektor digital	INT [30J ^{0.90}]

Di mana:

J = Jumlah salinan

INT = Nilai integer

(1)
Butiran

(2)
Fi
(RM)

Contoh pengiraan fi:

Kuantiti = 5000 salinan

$$\begin{aligned} \text{Fi} &= \text{INT} [30 \times 5000^{0.90}] \\ &= \text{INT} [30 \times 2,133.404] \\ &= \text{INT} [64002.12] \\ &= \text{RM}64,002.00 \end{aligned}$$

(b) Reproduksi peta raster digital atau peta tercetak

$$\text{INT} [100\text{LPJ}^{0.40} + 10.5]$$

Di mana:

J = Jumlah salinan

L = Lebar (m)

P = Panjang (m)

INT = Nilai integer

Contoh pengiraan fi :

Kuantiti = 10,000 salinan saiz A0
Lebar = 1.189 meter
Panjang = 0.841 meter

$$\begin{aligned} \text{Fi} &= \text{INT} [100 \times 1.189 \times 0.841 \times 10,000^{0.40} + 10.5] \\ &= \text{INT} [3980.87 + 10.5] \\ &= \text{INT} [3991.37] \\ &= \text{RM}3991.00 \end{aligned}$$

5. Fi bagi Pendigitan atau Pengimbasan Data Ukur dan Pemetaan

(1)
Butiran

(2)
Fi
(RM)

(a) Pendigitan peta	100.00 bagi satu lembar
(b) Pengimbasan peta	100.00 bagi satu lembar
(c) Pengimbasan dan pendigitan peta	150.00 bagi satu lembar
(d) Pendigitan fotograf udara	10.00 bagi satu salinan
(e) Pengimbasan fotograf udara	10.00 bagi satu salinan
(f) Pengimbasan dan pendigitan fotograf udara	15.00 bagi satu salinan

JADUAL KEDUA
(perenggan 7)

Fi bagi Perkhidmatan Serta Data Ukur dan Pemetaan yang Lain

(1) Butiran	(2) Fi (RM)
Produk dan perkhidmatan pemetaan, ukur, percetakan, pembesaran foto, mozek dan reproduksi selain yang dinyatakan dalam Jadual Pertama	Dikira mengikut kos sebenar pekerjaan dan bahan

Dibuat 2 Disember 2010
[NRE 44/2/1; PN(PU²)86/XIII]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN
Setiausaha Jemaah Menteri

[Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat menurut seksyen 4 Akta Fi 1951]

FEES ACT 1951

FEES AND PAYMENTS (SERVICES, SURVEY AND MAPPING DATA AND
REPRODUCTION) ORDER 2010

IN exercise of the powers conferred by sections 3 and 10 of the Fees Act 1951 [Act 209], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Fees and Payments (Services, Survey and Mapping Data and Reproduction) Order 2010**.

Interpretation

2. In this Order—

“survey and mapping data” includes topographical map, thematic map, aerial photograph, cadastral data, geodetic data and other survey and mapping data either in hardcopy or digital form, published by the Department;

“derived survey and mapping data” means any survey and mapping data that was subsequently produced by any party other than the Department which contains or is based on survey and mapping data;

“Department” means the Department of Survey and Mapping Malaysia or Department of Survey and Mapping of any state or Federal Territory; and

“copyright licence” means a licence granted in writing which allows the doing of an act which is controlled by copyright.

Payment of fees for copyright licence

3. The fees as specified in column (2) under heading 1 of the First Schedule shall be paid by the categories of the licence holders as specified in column (1) under heading 1 of the Schedule for a copyright licence in respect of digital survey and mapping data, the copyright of which is vested in the Federal Government.

Payment of fees for services and utilisation of survey and mapping data

4. (1) The fees for services and utilisation of survey and mapping data as specified in column (2) under heading 2 of the First Schedule shall be paid by a person in respect of the categories of acts as specified in column (1) under heading 2 of the Schedule.

(2) The fees for the utilisation of digital survey and mapping data for the purpose of development and demonstration as specified in column (2) under heading 3 of the First Schedule shall be paid by a copyright licence holder in respect of the category of act as specified in column (1) under heading 3 of the Schedule.

Payment of fees for the reproduction of derived survey and mapping data

5. The fees for the reproduction of derived survey and mapping data as specified in column (2) under heading 4 of the First Schedule shall be paid by a person to whom written permission has been given by the Department in respect of the categories of acts as specified in column (1) under heading 4 of the Schedule.

Payment of fees for digitising or scanning of survey and mapping data

6. The fees for digitising or scanning of survey and mapping data as specified in column (2) under heading 5 of the First Schedule shall be paid by a person to whom written permission has been given by the Department in respect of the categories of acts as specified in column (1) under heading 5 of the Schedule.

Payment of fees for other services and survey and mapping data

7. The fees and payments in respect to other services and survey and mapping data which are not scheduled under heading 1 to 5 of the First Schedule shall be charged according to the method as specified in column (2) of the Second Schedule.

Remission

8. The Director General of Survey and Mapping, Malaysia may, at his discretion, remit either wholly or partially any fees or payments as specified in this Order.

Revocation

9. The Fees (Reproduction of Maps) Order 1955 [*L.N. 301/1955*], the Fees and Payments (Maps, Survey, Survey Informations and Reproductions) Order 1991 [*P.U. (A) 179/1991*] and the Fees and Royalties (Survey Data and Digital Mapping) Order 1997 [*P.U. (A) 354/1997*] are revoked.

Savings for licences

10. Any copyright licence issued or granted under the Fees and Royalties (Survey Data and Digital Mapping) Order 1997 shall be deemed to be licensed under this Order until the expiry date of such licence.

FIRST SCHEDULE
(paragraphs 3, 4, 5 and 6)

1. Fees for Copyright Licence

(1)	(2)
Categories of licence holders	Fees (RM)
(a) Ministry/Government Department	100.00 per year
(b) Private or statutory body/public	200.00 per year

2. Fees for Services and Utilisation of Survey and Mapping Data

(1)	(2)
Items	Fees (RM)
(a) Cadastral Survey and Mapping Information	
Making plain paper copy of map and survey information:	
(i) Maximum size A0 (841mm x 1189mm)	12.00 per copy
(ii) Maximum size A1 (594mm x 841mm)	10.00 per copy
(iii) Maximum size A2 (420mm x 594mm)	8.00 per copy
(iv) Maximum size A3 (297mm x 420mm)	6.00 per copy
(v) Maximum size A4 (210mm x 297mm)	4.00 per copy
(b) Cadastral Survey Information	
Supply of digital cadastral data:	
(i) Certified copy of image plan	8.00 per image
(ii) Digital cadastral data (based on size in .SHP format and subject to a minimum charge of RM10.00 for every purchase)	30.00 per megabyte

(1) Items	(2) Fees (RM)
(c) Mapping Information	
(i) Aerial photographs:	
(A) Black and white contact print	10.00 per copy
(B) Colour contact print	20.00 per copy
(C) Aerial photograph enlargement	0.25 per megabyte
(D) Mosaic Preparation	
1. Digital	65.00 per model
2. Hardcopy	100.00 per model
(E) Scanned images in .TIF format	0.25 per megabyte
(F) Digital aerial photograph	0.35 per megabyte
(G) Printed mosaic	45.00 per copy
(ii) Map reproduction services:	
(A) Contact print on reversal film	100.00 per copy
(B) Contact print on normal film	80.00 per copy
(iii) Map lamination services:	
(A) Map lamination with cloth	40.00 per copy
(B) Map lamination	30.00 per metre
(C) Fixing map roller	15.00 per unit
(iv) Sale of map:	
(A) Printed map with contours	20.00 per copy
(B) All types of printed maps without contours except 2(c)(iv)(C)	10.00 per copy
(C) Transportation map	5.00 per copy
(D) Orthophoto map	150.00 per sheet
(E) Electronic map	10.00 per unit
(v) Supply of digital data:	
(A) Topographic map at a scale of 1: 25 000 (based on size in .DXF format)	
1. < 1 megabyte	24.00 per megabyte
2. 1 – 50 megabyte	22.00 per megabyte
3. > 50 megabyte	20.00 per megabyte
(B) Topographic map at a scale of 1: 50 000 (based on size in .DXF format)	
1. < 1 megabyte	28.00 per megabyte
2. 1 – 50 megabyte	26.00 per megabyte
3. > 50 megabyte	24.00 per megabyte

(1) Items	(2) Fees (RM)
(C) Topologies data at a scale of 1:25 000 (based on size in .SHP format)	
1. < 1 megabyte	65.00 per megabyte
2. 1 – 20 megabyte	60.00 per megabyte
3. > 20 megabyte	55.00 per megabyte
(D) Topologies data at a scale of 1:50 000 (based on size in .SHP format)	
1. < 1 megabyte	115.00 per megabyte
2. 1 – 20 megabyte	110.00 per megabyte
3. > 20 megabyte	105.00 per megabyte
(E) Topographic map at a scale of 1:5 000 and 1:10 000 (based on size in .DXF and .SHP format)	30.00 per megabyte
(F) Orthophoto (based on size in .TIF format)	1.00 per megabyte
(G) Digital Terrain Model (DTM) [based on size in ASCII (American Standard Code for Information Interchange) format]	5.00 per megabyte
(H) Raster map (based on size in .TIF format)	0.25 per megabyte

(The minimum charge for every purchase of digital mapping data is RM10.00)

(vi) Geodetic information:

(A) Benchmark	5.00 per station
(B) Coordinate and global positioning system (GPS) station information	15.00 per station
(C) Gravity data	12.00 per point
(D) Coordinate transformation	4.00 per station
(E) Coordinate transformation parameters	160.00 per set
(F) Tidal data	5.00 per month per station
(G) Coordinate and triangulation station/mark of administrative boundary information	15.00 per station
(H) Tidal observation record	50.00 per volume
(I) Tidal prediction table	50.00 per volume

(1) Items	(2) Fees (RM)
(J) Geoidal Information	
1. Geoidal height	3.00 per point
2. Sheet of 30km x 30km coverage	250.00 per sheet
3. Peninsular Malaysia	20,000.00 per set
4. Sabah	10,000.00 per set
5. Sarawak	10,000.00 per set
6. Federal Territory of Labuan	250.00 per set
(K) Real Time Kinematic (RTK) services	
1. Real-time Virtual Reference Station (VRS) RTK/VRS DGPS (Differential GPS)/Single base GPS correction data, Post-processed VRS GPS RINEX (Receiver Independent Exchange Format) data and Post-processed GPS Reference Station RINEX data	1,000.00 per user per year
2. Post-processed VRS GPS RINEX (Receiver Independent Exchange Format) data	1.00 per minute per station
3. Post-processed GPS Reference Station RINEX data	2.00 per hour per station
3. Fees for the Utilisation of Digital Survey and Mapping Data for the Purpose of Development and Demonstration	
(1) Items	(2) Fees (RM)
Utilisation of digital survey and mapping data for the purpose of development and demonstration	1,000.00
4. Fees for the Reproduction of Derived Survey and Mapping Data	
(1) Items	(2) Fees (RM)
(a) Reproduction of digital vector map	INT [30N ^{0.90}]
Where:	
N	= Number of copies
INT	= Integer value

Example of fees calculation:

Quantity = 5000 copies

$$\begin{aligned}
 \text{Fees} &= \text{INT} [30 \times 5000^{0.90}] \\
 &= \text{INT} [30 \times 2,133.404] \\
 &= \text{INT} [64002.12] \\
 &= \text{RM}64,002.00
 \end{aligned}$$

(1) Items	(2) Fees (RM)
(b) Reproduction of digital raster map or printed map	INT [100WLN ^{0.40} + 10.5]
	Where:
	N = Number of copies
	W = Width (m)
	L = Length (m)
	INT = Integer value

Example of fees calculation:

Quantity = 10,000 A0 size copies
 Width = 1.189 metre
 Length = 0.841 metre

Fees = INT [100 x 1.189 x 0.841 x 10,000^{0.40} + 10.5]
 = INT [3980.87 + 10.5]
 = INT [3991.37]
 = RM3991.00

5. Fees for Digitising or Scanning of Survey and Mapping Data

(1) Items	(2) Fees (RM)
(a) Digitising map	100.00 per sheet
(b) Scanning map	100.00 per sheet
(c) Scanning and digitising map	150.00 per sheet
(d) Digitising aerial photograph	10.00 per copy
(e) Scanning aerial photograph	10.00 per copy
(f) Scanning and digitising aerial photograph	15.00 per copy

SECOND SCHEDULE

(paragraph 7)

Fees for Other Services and Survey and Mapping Data

(1) Items	(2) Fees (RM)
Other mapping services, survey, printing, photo enlargement, mosaic and reproduction other than those stated in the First Schedule	Charged according to the actual cost of work and resources utilised

Made 2 December 2010
 [NRE 44/2/1; PN(PU²)86/XIII]

By Command,

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HAJI HASSAN
Secretary to the Cabinet

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to section 4 of the Fees Act 1951]

P.U. (A) 411.

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

PERINTAH CUKAI PERKHIDMATAN (KADAR CUKAI) (PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 5(2) Akta Cukai Perkhidmatan 1975 [*Akta 151*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2010**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

Pindaan perenggan 3

2. Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2009 [*P.U. (A) 468/2009*] dipinda dalam subperenggan 3(a) dengan menggantikan perkataan “5%” dengan perkataan “6%”.

Dibuat 3 Disember 2010

[RAHSIA KE.HT(96)060/05 Jld. 22 SK. 2;

Perb. CR(8.09)294/6/4-9(SJ.9)(2011)(SK. 8): PN(PU²)268/IV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 5(3) Akta Cukai Perkhidmatan 1975*]

SERVICE TAX ACT 1975

SERVICE TAX (RATE OF TAX) (AMENDMENT) ORDER 2010

IN exercise of the powers conferred by subsection 5(2) of the Service Tax Act 1975 [*Act 151*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Service Tax (Rate of Tax) (Amendment) Order 2010**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2011.

Amendment of paragraph 3

2. The Service Tax (Rate of Tax) Order 2009 [*P.U. (A) 468/2009*] is amended in subparagraph 3(a) by substituting for the words “5%” the words “6%”.

Made 3 December 2010

[RAHSIA KE.HT(96)060/05 Jld. 22 SK. 2;

Perb. CR(8.09)294/6/4-9(SJ.9)(2011)(SK.8): PN(PU²)268/IV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[*To be laid on the table of the Dewan Rakyat pursuant to subsection 5(3) of the Service Tax Act 1975*]

P.U. (A) 412.**AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975****PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2010**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 41 Akta Cukai Perkhidmatan 1975 [*Akta 151*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2010**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

Pindaan Jadual Kedua

2. Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975 [*P.U. (A) 52/1975*] dipinda dalam Jadual Kedua, di bawah tajuk Kumpulan G dalam ruang “Perkhidmatan Yang Kena Dibayar Cukai”, dengan menggantikan butiran “b.” dengan butiran berikut:

“b. Penyediaan—

- (i) perkhidmatan telekomunikasi dalam bentuk telefon, faksimili, telemail, alat keloi, telefon selular, teleks, perkhidmatan lebar jalur atau perkhidmatan nilai tambah; dan
- (ii) perkhidmatan penyiaran televisyen berbayar.”

Dibuat 3 Disember 2010

[RAHSIA KE.HT(96)060/05 Jld. 22 SK. 2;

Perb. CR(8.09)294/6/4-9(SJ.9)(2011)(SK.8): PN(PU²)268/IV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

SERVICE TAX ACT 1975

SERVICE TAX (AMENDMENT) REGULATIONS 2010

IN exercise of the powers conferred by section 41 of the Service Tax Act 1975 [Act 151], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Service Tax (Amendment) Regulations 2010**.
- (2) These Regulations come into operation on 1 January 2011.

Amendment of Second Schedule

2. The Service Tax Regulations 1975 [P.U. (A) 52/1975] are amended in the Second Schedule, under the heading of Group G in column "Taxable Service", by substituting item "b." with the following item:

"b. Provision of—

- (i) telecommunication services in the form of telephone, facsimile, telemail, pager, cellular phone, telex, bandwidth service or value added services; and
- (ii) paid television broadcasting services."

Made 3 December 2010

[RAHSIA KE.HT(96)060/05 Jld. 22 SK. 2;

Perb. CR(8.09)294/6/4-9(SJ.9)(2011)(SK.8): PN(PU²)268/IV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA